



Ops Halang dijalankan hasil rondaan dan pemantauan aktif pasukan penguat kuasa di sekitar ibu negara.

Ops Halang disiplinkan pesalah lalu lintas

Operasi bersepadu DBKL, PDRM dan JPJ di sekitar ibu negara

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
KUALA LUMPUR

Pihak berkuasa terus mempergiatkan usaha membanteras kesalahan lalu lintas melalui pelaksanaan Ops Halang di sekitar Jalan Kepong dan Jalan Dang Wangi di ibu negara.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan, operasi bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dijalankan hasil rondaan dan pemantauan aktif pasukan penguat kuasa di sekitar ibu negara.


"Sepanjang operasi, DBKL mengeluarkan 21 notis tawaran kompaun dan menunda sembilan kenderaan atas pelbagai kesalahan mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987.

"Selain itu, tindakan turut diambil terhadap premis perniagaan yang menyebabkan halangan di tempat awam.

"DBKL turut menyita barangan dan mengeluarkan enam notis kompaun mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974," katanya menerusi satu hantaran di laman Facebook DBKL pada Selasa.

Terdahulu, pihak berkuasa lain turut mengeluarkan 34 notis kompaun bagi pelbagai kesalahan trafik yang dikesan sepanjang operasi dilaksanakan.

"Semua barangan disita dibawa



Tindakan kompaun dikenakan terhadap premis perniagaan yang menyebabkan halangan di tempat awam.



DBKL mengeluarkan 21 kompaun dan menunda sembilan kenderaan yang didapati melakukan kesalahan di sekitar ibu negara.

ke stor sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras, untuk rekod dan dokumentasi," katanya.

Dalam pada itu, DBKL dalam hantaran sama menegaskan tindakan penguatkuasaan seperti ini akan diteruskan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan dikenal pasti.

"Orang awam yang mahu mem-

buat aduan atau menyalurkan maklumat berkaitan boleh berbuat demikian menerusi pautan <https://adukl.dbkl.gov.my/>.

"Kempen ini dilaksanakan selaras aspirasi menjadikan ibu negara sebagai sebuah bandar raya lebih berdaya huni dan berdaya saing untuk semua," katanya.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah dihadapi boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon **019-2650823** atau e-mel aduan@sinarharian.com.my selain hubungi talian **03-51017469**

**10 pagi hingga
8 malam setiap hari**